

28 JUL 1996

Maulidur-Mahathir

UMAT ISLAM PERLU AMAL NILAI DAN CARA HIDUP ISLAM SEJATI

KUALA LUMPUR, 28 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyeru umat Islam supaya memastikan cara hidup dan nilai-nilai yang diamalkan adalah bersumber kepada ajaran Islam sejati.

Katanya, cara hidup dan amalan yang bercanggah dengan prinsip Islam wajar ditinggalkan kerana ia merugikan ummah dan agama.

"Amalan-amalan tersebut akan hanya merugikan ummah dan agama, menyebabkan mereka akan terus menerus berada dalam kemunduran dan ketinggalan," menurut kata alu-aluan Perdana Menteri dalam buku cenderamata sempena majlis perhimpunan Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan di Stadium Negara, di sini.

Beliau berkata, amalan ajaran Islam sejati akan dapat membawa negara ke mercu kejayaan yang lebih tinggi.

Dr Mahathir berkata umat Islam hendaklah meneladani Rasulullah dengan meniru langkahnya terutama sifat-sifat keperibadian mulia yang telah berjaya mengubah suasana dan keadaan hidup manusia ke arah yang lebih cemerlang.

Menurut Perdana Menteri, antara sifat mulia Nabi Muhammad ialah keyakinan diri dan tabah hati, yang berjaya menjadikan agama Islam disebarkan ke seluruh dunia walaupun menghadapi pelbagai rintangan.

Baginda juga lebih mengutamakan kepentingan ummah daripada kepentingan diri dan keluarga, katanya.

Dr Mahathir berkata cara hidup Rasulullah yang gigih dan rajin bekerja yang ditunjukkan melalui pekerjaan yang dilakukan baginda iaitu sebagai penternak binatang semasa kecil, sebagai ahli perniagaan semasa remaja dan akhirnya berdakwah menyeru manusia mengabdikan diri kepada Tuhan.

Menurut Perdana Menteri, Rasulullah berjaya memperbaiki kepincangan masyarakat ketika itu sehingga melahirkan satu masyarakat yang adil, kuat serta menjadi contoh kepada seluruh masyarakat dunia.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman dalam ucapannya pada perhimpunan itu berkata, pembentukan akhlak yang mulia di kalangan umat Islam perlu dimulakan dari peringkat awal.

"Akhlak ialah sesuatu yang boleh dibentuk dan perlu dibentuk. Pembentukannya tentu sekali bermula di rumah oleh anggota keluarga sendiri," katanya.

Katanya, proses pembentukan akhlak diasaskan kepada nilai-nilai murni kebaikan mengatasi keburukan.

Menurut Abdul Hamid, tanggungjawab sosial masyarakat dalam pembentukan akhlak mulia berbeza mengikut peranan masing-masing.

Sifat-sifat seperti benci-membenci, curang, tidak amanah, tidak berperibadi atau tidak bersimpati kepada orang lain adalah tanda-tanda kepada keruntuhan akhlak yang akan membawa kerosakan kepada diri sendiri dan juga masyarakat, katanya.

-- BERNAMA

RAZ AHH